

Hm 14/7/06 (ms53)

Taekwondo terbuka sempena ulang tahun UiTM Bukit Mertajam

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM), Pulau Pinang akan menganjurkan Kejohanan Taekwondo Terbuka sempena ulang tahun ke-10 universiti yang terletak di Kampus Bukit Mertajam, Permatang Pauh pada 22 dan 23 Julai ini.

Objektif utama kejohanan adalah untuk menjalankan hubungan silaturahim di kalangan ahli persatuan dan kelab-kelab taekwondo dari seluruh negeri disamping mencungkil bakat-bakat baru.

Kejohanan yang membabitkan acara free sparring dan pattern ini adalah terbuka kepada semua. Bagi acara free sparring semua peserta diwajibkan memakai head gear, hand glove dan leg pads yang disediakan oleh persatuan atau kelab masing-masing.

Format pemarkahan dini-lai berdasarkan sistem mata yang telah persetujui oleh AJK kejohanan iaitu setiap tumbukan akan diberi 1 mata (badan sahaja), tendangan ke badan (1 mata) dan tenda-

ngan ke kepala (2 mata).

Setiap tumbukan dan tendangan yang boleh mendatangkan kecederaan dengan niat akan dikenakan penalti iaitu penolakan mata mengikut mata yang sepatutnya diperolehi.

Peserta mestilah memakai pakai lengkap bersama dengan tali pinggang yang menandakan gred masing-masing sepanjang kejohanan berlangsung. Urusan pendaf-taran dan penetapan kategori akan diadakan jam 8.00 pagi pada 22 Julai bertempat di La-man Perdana, UiTM.

Yuran penyertaan adalah sebanyak RM25 (Individu) dan RM50 (Berpasukan). Acara berkumpulan membabitkan empat peserta (sistem 3:1). Tarikh tutup penyertaan pada 20 Julai ini.

Sebarang pertanyaan sila hubungi, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM Pulau Pi-nang. Telefon: 04-3822837 Fax: 04-3822848 atau Ustaz Mansur Manni (019-4723 390/019-5263390), dan Sahu-ri (013 - 4490841).